

Air naik cecah bumbung rumah

Zaleha hanya mampu melihat lembu, barang dalam rumah hanyut ke sungai

RAIHAM MOHD SANUSI

KEMAMAN – “Hanya dalam tempoh dua jam, air banjir sudah menecah bumbung rumah kami, nasib baik ketika air mula naik kira-kira jam 3 pagi, suami saya yang lumpuh sempat dialihkan penduduk kampung,” kata Zaleha Ali, 39.

Zaleha sekeluarga tinggal sehelai sepinggang apabila kesemua barangan berharga dalam rumahnya tidak sempat dikeluarkan kerana air naik mendadak dan menenggelamkan rumahnya yang berketinggian 10 meter di Kampung Seberang Tayor Hulu, Selasa lalu.

Lebih menyedihkan, sebanyak 20 lembu yang diternak bersama dua ahli keluarganya yang lain di belakang rumah dan kebun sayur yang sudah boleh dipetik hasilnya, turut musnah di hanyutkan banjir menyebabkan nilai kerugian ditanggung mencecah ratusan ribu ringgit.

Ibu tujuh anak ini berkata, gara-gara banjir besar yang belum pernah dialaminya itu, mereka sekeluarga terpaksa berpindah ke pusat pemindahan sebanyak dua kali dalam tempoh sehari, berikutan pusat pemindahan pertama di Balai Raya Kampung Seberang Tayor, turut ditenggelami banjir kira-kira jam 4 petang.

“Ketika mahu berpindah dari rumah, saya hanya sempat capai dokumen penting dan tidak menyelamatkan barangan lain kerana tidak sangka air akan naik sedalam itu. Seumur hidup, inilah kali pertama saya mengalami banjir buruk sebegini.

“Semua barangan dalam rumah



Guru yang mengajar di Pahang, Zakiah Ngah, 48, menyusun pinggan mangkuk dalam rumah ibunya setelah banjir yang menenggelamkan rumah ibunya di Felda Seberang Tayor surut semalam.

dan ternakan hanyut ke arah sungai malah dua buah motosikal milik kami juga tenggelam,” katanya sebak ketika ditemui di pusat pemindahan Dewan Serba guna Felda Seberang Tayor, Air Putih, dekat sini semalam.

Suami, bapa turut diusung

DALAM pada itu, suaminya, Baharom Mohamed, 34, yang lumpuh dari pinggang ke bawah sejak tiga



Zaleha mengurut kaki suaminya, Baharom yang tidak dapat berjalan sambil diperhatikan dua anak mereka. Zaleha sekeluarga mula tinggal di pusat pemindahan Dewan Serba guna Felda Seberang Tayor sejak Selasa lalu.

tahun lalu selepas mengalami patah tulang belakang akibat tersepit pada lori ketika bekerja, terpaksa diusung orang kampung ke tempat selamat.

Bukan itu sahaja, bapa Zaleha, Ali Mohamad, 73, yang uzur dan tinggal di rumah bersebelahan juga turut diusung beramai-ramai.

Ibu Zaleha, Tijah Deraman, 63, meluahkan rasa syukur dengan pertolongan cepat penduduk kampung kerana dia sendiri tidak mempunyai kudrat untuk mengangkat suaminya itu.

Wanita hamil redah air paras dada

SEMENTARA itu, seorang wanita hamil juga terpaksa meredah air separas dada ketika banjir menenggelamkan rumahnya di Kampung Pengkalan Pandan, Chukai, tiga hari lalu.

Menurut Nor Baiyani Othman, 20, walaupun dalam ketakutan, dia menguatkan semangat untuk meredah banjir bersama suami, Mohd Firdaus Mohamad, 23, yang mendukung anak sulung mereka, Siti Aisyah Azahara, 9 bulan bersama 10 lagi ahli keluarga lain yang tinggal serumah.

“Dalam keadaan pening, saya terpaksa redah air paras dada,” kata Nor Baiyani yang usia kandungannya kini enam bulan.

Katanya, mereka sekeluarga tidak berpindah awal kerana menyangka banjir semakin surut, sebaliknya lain pula terjadi apabila air semakin naik menyebabkan tiga kenderaan iaitu Perodua Kancil, van dan skuter milik keluarganya yang diletakkan di hadapan rumah ditenggelami air.



Beginilah keadaan sofa di salah sebuah rumah penduduk di Felda Seberang Tayor yang rosak sesudah berendam air sejak empat hari lalu.



Nor Baiyani (kiri) bersyukur kerana bayi yang dikandungnya selamat walaupun mereka sekeluarga terpaksa menempuh pengalaman menakutkan meredah banjir separas dada.